

**SOALAN NO. 27****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SRI HASAN BIN MALEK [ KUALA PILAH ]**

**TARIKH : 15 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Dato' Sri Hasan Bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang telah dilepaskan dari kebangkrapan sejak Akta Insolvensi 1967 (Pindaan 2017) dikuatkuasakan.

43

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) menunjukkan bahawa sehingga Januari 2018, seramai 1,992 orang telah dilepaskan dari kebangkrapan sejak Akta Insolvensi 1967 (Pindaan 2017) dikuatkuasakan mulai Oktober 2017.

Daripada jumlah tersebut, bulan Januari 2018 mencatatkan bilangan pelepasan kebangkrapan tertinggi iaitu seramai 943 orang (47.34%), iaitu peningkatan memberangsangkan seramai 617 orang berbanding Disember 2017 dengan 326 orang (16.37%). Seramai 393 orang (19.73%) pula telah diberikan pelepasan kebangkrapan pada November 2017 manakala Oktober 2017 mencatatkan bilangan pelepasan kebangkrapan seramai 330 orang (16.57%).

Sekian, terima kasih.